

MAJLIS PENUTUP KURSUS KOMANDER SIRI 14/18

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4044-majlis-penutup-kursus-komander-siri-14-18

TANJUNG BUNGAH, 26 Okt 18 - Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah menganjurkan Majlis Penutup Kursus Komander Siri 14/18 di Hotel Berjaya, Pulau Tikus, Pulau Pinang. Kursus ini telah dihadiri oleh 21 orang pegawai berpangkat Lt Kol TUDM dari pelbagai cawang.

Kursus Komander Siri 14/18 ini dijalankan selama 2 minggu dan telah didedahkan dengan pelbagai ilmu pengurusan, kepimpinan dan pengalaman secara langsung tentang visi dan misi organisasi berdasarkan perspektif Pensyarah - pensyarah jemputan dari pucuk pimpinan tertinggi TUDM seperti Panglima Tentera Udara, Panglima Operasi Udara, Komander Pangkalan dan Pengarah - pengarah Bahagian. Sebelum Majlis Penutup telah diadakan Pembentangan Sindiket dari Penuntut Kursus yang telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Sindiket Alpha dan Sindiket Bravo.

Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup Kursus tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Panglima Pendidikan dan latihan Udara, Brig Jen Dato' Haji Sanusi bin Haji Samion TUDM. Turut mengiringi beliau adalah Pengarah Kurikulum MPPLU selaku fasilitator kursus, Kol Thamilanty A/L Periasamy TUDM dan Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM.



